

## PRINSIP PERAKAUNAN

3756/1

Kertas 1

November 2021

 $1\frac{1}{4}$  jam

---

---

**MODUL KECEMERLANGAN****PRINSIP PERAKAUNAN****TINGKATAN 5****Kertas 1****Satu jam lima belas minit**

---

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan objektif*
2. *Jawab semua soalan*
3. *Jawab dengan menghitamkan ruangan yang betul pada kertas jawapan*
4. *Hitamkan satu ruangan sahaja bagi setiap soalan*
5. *Seciranya anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.*
6. *Penggunaan kalkulator saintifik adalah dibenarkan*

---

Kertas soalan ini mengandungi 13 halaman bercetak.

- 1 Apakah proses yang menunjukkan turutan tatacara perakaunan yang berlaku dalam satu tempoh perakaunan?
- A Sistem perakaunan
  - B Prinsip perakaunan
  - C Kitaran perakaunan
  - D Konsep perakaunan

- 2 Maklumat dibawah ini berkaitan dengan pengguna penyata kewangan.

*Penyata kewangan digunakan sebagai rujukan untuk menilai kemampuan perniagaan untuk membayar hutang.*

Pengguna penyata kewangan yang dimaksudkan ialah

- A Pihak bank
  - B Pihak kerajaan
  - C Pihak pelabur
  - D Pihak pengurusan
- 3 Pada 1 Januari 2015, Perniagaan Asyraaf telah membeli sebuah premis pada harga RM100 000. Pada 31 Disember 2020, harga pasaran premis tersebut telah meningkat kepada RM150 000. Catatan dalam Penyata Kedudukan Kewangan perniagaan masih menunjukkan harga premis sebagai RM100 000. Apakah konsep perakaunan yang bertepatan dengan situasi di atas?
- A Ketekalan
  - B Prinsip kos
  - C Tempoh perakaunan
  - D Wang sebagai ukuran
- 4 Antara berikut, yang manakah merupakan hasil operasi bagi sesebuah perniagaan?
- A Hasil jualan
  - B Sewa diterima
  - C Faedah diterima
  - D Untung atas pelupusan aset bukan semasa

- 5 Maklumat berikut merupakan urus niaga yang diperolehi daripada Kedai Runcit Aniq

Membayar hutang kepada Perniagaan Aisyah RM1 500  
dengan cek dan menerima diskaun RM200

Apakah kesan urus niaga di atas terhadap persamaan perakaunan?

	<b>Aset</b>	<b>Liabiliti</b>	<b>Hasil</b>
A	Berkurang RM1 500	Berkurang RM1 700	Bertambah RM200
B	Bertambah RM1 300	Bertambah RM1 500	Bertambah RM200
C	Bertambah RM1 500	Bertambah RM1 700	Berkurang RM200
D	Berkurang RM1 300	Berkurang RM1 500	Berkurang RM200

- 6 Padanan manakah yang betul?

	<b>Catatan Kontra</b>	<b>Akaun Berkaitan</b>
A	Belian	Jualan
B	Pulangan Masuk	Belian
C	Pulangan Masuk	Jualan
D	Untung Bersih	Modal

7. Pernyataan manakah yang menerangkan kepentingan Dokumen Perniagaan.

- I Bukti bertulis bahawa sesuatu urus niaga telah berlaku
- II Berfungsi sebagai bahan rujukan kepada penyediaan belanjawan tunai
- III Bahan bukti siasatan polis dan mahkamah jika berlaku kes penipuan dalam urus niaga
- IV Sebagai bahan rujukan utama penyediaan Penyata Kewangan perniagaan pada akhir tahun

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan III
- D II dan IV

- 8 Manakah antara dokumen perniagaan berikut boleh digunakan sebagai sumber rujukan semasa menyediakan Akaun Kawalan Belum Terima?

- A Makluman Debit
- B Nota Serahan
- C Surat Tanya
- D Invois

- 9 Jurnal Am yang berikut diperoleh daripada buku Perniagaan Nano.

Jurnal Am

Tarikh	Butir	Debit	Kredit
2021		RM	RM
Jan 1	Lengkapan	10 800	
	Akaun belum terima	5 120	
	Bank	2 800	
	Tunai	1 140	
	Akaun belum bayar		9 120
	Modal		<b>M</b>

Hitung nilai **M**.

- A RM10 740  
 B RM19 860  
 C RM28 980  
 D RM30 480
- 10 Urus niaga manakah yang direkodkan dalam jurnal khas?
- I Membeli barang niaga secara kredit  
 II Memulangkan barang niaga yang rosak  
 III Menjual aset bukan semasa secara tunai  
 IV Mengambil barang niaga untuk kegunaan keluarga
- A I dan II  
 B I dan III  
 C II dan III  
 D III dan IV
- 11 Petikan Buku Tunai berikut diperoleh daripada sebuah perniagaan.

Tarikh	Butir	Disk	Tunai	Bank	Tarikh	Butir	Disk	Tunai	Bank
					2021				
					Okt 22	Perniagaan Ensen		550	

Dokumen manakah yang digunakan sebagai sumber catatan bagi urus niaga tersebut?

- A Slip Daftar Tunai  
 B Keratan Cek  
 C Bil Tunai  
 D Resit

12 Apakah lejar?

- A Buku yang merekodkan urusanniaga secara tunai sahaja
- B Buku yang merekodkan hasil dan belanja sepanjang tahun
- C Buku yang merekodkan semua perbelanjaan untuk satu tempoh perakaunan
- D Buku yang mengandungi pelbagai jenis akaun untuk merekodkan pelbagai urusanniaga

13 Puan Linda telah membawa masuk komputer peribadi untuk kegunaan perniagaan. Manakah catatan bergu yang betul?

	Akaun didebitkan	Akaun dikreditkan
A	Modal	Alatan Pejabat
B	Alatan Pejabat	Modal
C	Modal	Lekapan
D	Lekapan	Modal

14 Petikan berikut diperoleh daripada buku Perniagaan Cemerlang Enterprise.

**Akaun Kawalan Belum Bayar**

		RM			RM
2021			2021		
Jan 31	Bank	5 200	Jan 1	Baki b/b	2 600
	Diskaun diterima	320			
	Baki h/b	2 200			

Berapakah belian kredit?

- A RM2 200
  - B RM2 600
  - C RM5 120
  - D RM7 720
- 15 Pernyataan manakah yang menerangkan maksud Imbangan Duga?
- A Akaun yang disediakan untuk mengetahui untung atau rugi perniagaan
  - B Senarai baki debit dan baki kredit yang diambil daripada akaun-akaun lejar
  - C Penyata yang menunjukkan kedudukan kewangan perniagaan
  - D Akaun yang disediakan untuk mencari baki akhir pada satu tarikh tertentu

- 16 Akhil Enterprise mempunyai empat jenis barang niaga yang belum dijual pada 30 April 2021. Maklumat berikut merupakan nilai kos dan harga pasaran bagi setiap jenis barang niaga.

Barang	Kos (RM)	Harga Pasaran (RM)
A	300	288
B	800	860
C	820	220
D	262	341

Berapakah nilai inventori akhir?

- A RM1 470  
 B RM1 570  
 C RM2 182  
 D RM3 849
- 17 Aset, Liabiliti dan Ekuiti Pemilik direkod dalam Penyata Kedudukan kewangan. Apakah tujuan disediakan Penyata Kedudukan Kewangan?
- A Mengetahui jumlah aset perniagaan  
 B Menyenggara liabiliti perniagaan  
 C Membuat perbandingan prestasi perniagaan  
 D Menunjukkan kedudukan kewangan perniagaan
- 18 Aman adalah pemilik Perniagaan Amano, beliau telah melantik seorang akauntan untuk menyiapkan akaun perniagaannya, berikut maklumat yang diperolehi dari perniagaannya:

Butir	RM
Inventori awal	10 000
Inventori akhir	20 000
Jualan	50 000
Belian	25 000
Angkutan masuk	600
Angkutan keluar	500
Insurans	400

Berapakah jumlah kos jualan?

- A RM16 500  
 B RM16 100  
 C RM16 000  
 D RM15 600

- 19 Catatan bergu manakah digunakan untuk merekodkan hutang lapuk?

	Akaun didebitkan	Akaun dikreditkan
A	Hutang lapuk	Akaun Belum Bayar
B	Akaun Belum Bayar	Hutang lapuk
C	Hutang lapuk	Akaun Belum Terima
D	Akaun Belum Terima	Hutang lapuk

- 20 Perniagaan Berjaya membeli sebuah kenderaan bernilai RM75 000. Penggunaannya dijangka selama 10 tahun.

Pada akhir tempoh perakaunan, nilai skrap dianggarkan sebanyak RM5 000. Berapakah nilai susut tahunan kenderaan tersebut?

- A RM16 000  
 B RM14 000  
 C RM8 000  
 D RM7 000
- 21 Maklumat berikut diperoleh daripada buku Syarikat Mimi pada 31 Disember 2020.

	RM
Perabot	5 200
Susut nilai terkumpul perabot	1 040

Perabot tersebut dijual dengan harga RM4 420 pada 31 Disember 2020. Berapakah untung atau rugi pelupusan kenderaan tersebut?

- A Rugi pelupusan RM260  
 B Rugi pelupusan RM780  
 C Untung pelupusan RM260  
 D Untung pelupusan RM780
- 22 Maklumat berikut diperoleh daripada Syarikat Ahmad.

Barang berharga RM650 yang dipulangkan oleh Lina belum direkodkan di dalam mana-mana buku

Apakah jenis kesilapan yang telah dilakukan oleh Syarikat Ahmad?

- A Kesilapan amaun  
 B Kesilapan prinsip  
 C Kesilapan songsang  
 D Kesilapan ketinggalan satu urusan niaga

- 23 Imbangan Duga Mahligai Trading mempunyai beberapa kesilapan.

**Imbangan Duga pada 31 Disember 2020**

	<b>Debit</b>	<b>Kredit</b>
	RM	RM
Kenderaan	13 500	
Akaun Belum Terima	1 600	
Akaun Belum Bayar		1 300
Bank	1 560	
Angkutan masuk	615	
Angkutan keluar	625	
Belian dan Jualan	4 200	9 150
Komisen		850
Gaji	1 700	
Modal		12 500

Selepas Imbangan Duga disediakan, kesilapan berikut dikesan:

- (i) Angkutan keluar RM30 telah direkod sebagai angkutan masuk.
- (ii) Komisen diterima dan belian masing-masing terlebih rekod sebanyak RM50.

Kira jumlah Imbangan Duga selepas pembedulan kesilapan.

- A RM23 640
  - B RM23 720
  - C RM23 750
  - D RM23 800
- 24 Antara yang berikut, manakah merupakan nisbah keberuntungan?
- I Nisbah semasa
  - II Pulangan atas modal
  - III Kadar pusing ganti inventori
  - IV Peratus untung bersih atas jualan
- A I dan II
  - B II dan III
  - C II dan IV
  - D III dan IV



25 Antara berikut, yang manakah kelemahan sistem catatan tunggal?

- I Kesilapan catatan tidak dapat dikesan
- II Untung atau rugi tidak dapat ditentukan
- III Imbangan Duga tidak dapat disediakan
- IV Ketepatan perekodan akaun tidak dapat diuji

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

26 Syarikat Elena mempunyai baki seperti berikut pada akhir tempoh perakaunan.

	<b>RM</b>
Aset	75 000
Modal Awal	48 000
Liabiliti	9 000

Berapakah untung bersih Syarikat Elena?

- A RM9 000
- B RM18 000
- C RM27 000
- D RM36 000

27 Maklumat berikut diperolehi daripada Syarikat Oriental.

	<b>RM</b>
Baki Akaun Belum Terima 1 Januari 2020	1 880
Penerimaan daripada Akaun Belum Terima	4 544
Diskaun diberi	260
Pulangan jualan	504
Hutang lapuk dihapuskan	200
Baki Akaun Belum Terima 31 Disember 2020	2 896

Berapakah jualan kredit bagi tahun berakhir 31 Disember 2020?

- A RM1 196
- B RM2 564
- C RM4 492
- D RM6 524

- 28 Sistem kawalan tunai diamalkan bertujuan untuk memastikan perniagaan
- A mendapat keuntungan
  - B memperoleh jualan yang maksimum
  - C menyimpan tunai yang banyak di tangan
  - D mempunyai aliran tunai yang mencukupi
- 29 Penyata Penyesuaian Bank berikut diperoleh daripada sebuah perniagaan.

<b><u>Penyata Penyesuaian Bank pada 30 September 2021</u></b>		
	RM	RM
<b>R</b>		(200)
Tambah : Cek belum dikemukakan	1 000	
Dividen	300	
		1 300
		1 100
Tolak : Deposit belum dikreditkan	700	
Caj bank	20	
		720
<b>S</b>		380

Apakah R dan S?

	R	S
A	Baki debit di Buku Tunai	Baki debit di Penyata Bank
B	Baki debit di Penyata Bank	Baki debit di Buku Tunai
C	Baki kredit di Penyata Bank	Baki kredit di Buku Tunai
D	Baki kredit di Buku Tunai	Baki kredit di Penyata Bank

- 30 Jadual di bawah ini menunjukkan anggaran jualan Perniagaan Mega bagi bulan Januari hingga Mac 2021.

Bulan	Anggaran Jualan (RM)
Januari	32 000
Februari	36 000
Mac	48 000

**Maklumat Tambahan**

30% daripada jualan ialah jualan kredit. Pelanggan diberi tempoh sebulan untuk menjelaskan hutang.

Hitung anggaran tunai yang diterima pada bulan Mac 2021.

- A RM44 400
- B RM39 600
- C RM36 000
- D RM25 200

- 31 Perniagaan perkongsian tertakluk kepada Akta Perkongsian 1961. Perkara manakah yang **tidak** terdapat dalam akta tersebut?
- A Faedah tidak dibayar atas modal pekongsi
  - B Pekongsi tidak dibenarkan membuatambilan
  - C Untung atau rugi dibahagi sama rata antara pekongsi
  - D Pekongsi yang menguruskan perkongsian tidak dibayar gaji

- 32 Maklumat berikut diperolehi daripada buku perniagaan sebuah perkongsian.

	RM
Jumlah aset	63 000
Jumlah liabiliti	11 760

Semasa pembubaran, semua aset dijual pada harga RM58 800. Belanja realisasi RM1 190 dan liabiliti dijelaskan sepenuhnya.

Berapakah rugi realisasi?

- A RM3 010
  - B RM5 390
  - C RM6 370
  - D RM7 560
- 33 Apakah yang dimaksudkan dengan dividen interim?
- A Pembayaran dividen dibuat sebelum tempoh perakaunan berakhir
  - B Pembayaran dividen dibuat selepas tempoh perakaunan berakhir
  - C Diisytiharkan selepas keuntungan sebenar diketahui
  - D Dividen yang dibayar kepada pemegang syer biasa
- 34 Apakah matlamat penubuhan kelab dan persatuan?
- I Untuk menjaga kebajikan ahli
  - II Untuk menyediakan kemudahan ahli
  - III Untuk memaksimumkan keuntungan
  - IV Untuk menggalakkan aktiviti berekreasi dalam kalangan ahli
- A I dan II
  - B I dan III
  - C II dan IV
  - D III dan IV

- 35 Item manakah yang direkodkan di bahagian penerimaan dalam Akaun Penerimaan dan Pembayaran kelab?
- A Lawatan  
B Sewa laci  
C Honorarium  
D Hadiah pertandingan
- 36 Maklumat berikut diperoleh daripada bendahari Kelab Badminton Seri Damai.

	<b>1 Januari 2020</b>	<b>31 Disember 2020</b>
	RM	RM
Yuran Belum Terima	105	-
Yuran Belum Terperoleh	-	65

Jumlah yuran yang telah diterima untuk tahun 2020 ialah sebanyak RM3 180. Berapakah yuran bagi tahun berakhir 31 Disember 2020?

- A RM3 010  
B RM3 140  
C RM3 220  
D RM3 350
- 37 Berikut merupakan data yang diperoleh daripada Kelab Tennis Suria.

	<b>RM</b>
Inventori restoran 1 Januari 2020	8 875
Inventori restoran 31 Disember 2020	21 875
Jualan	43 800
Belian	20 300
Upah restoran	6 250

Berapakah untung minuman bagi kelab tersebut?

- A RM23 500  
B RM27 750  
C RM30 250  
D RM36 500

- 38 Kos buruh langsung sebuah kilang ialah gaji
- A operator kilang
  - B pengurus kilang
  - C pengawal inventori kilang
  - D pengurus sumber manusia
- 39 Maklumat berikut adalah kos yang terlibat dalam pengeluaran perabot oleh Jaya Enterprise bagi tahun berakhir 31 Disember 2020.

	<b>RM</b>
Bahan langsung	359 000
Upah buruh langsung	62 000
Sewa kilang	24 000
Kadar bayaran kilang	18 000

Berapakah jumlah **kos prima**?

- A RM463 000
  - B RM421 000
  - C RM401 000
  - D RM379 000
- 40 Maklumat di bawah ini diperoleh daripada Kilang Aniq yang mengeluarkan beg sekolah.

	<b>RM</b>
Kos tetap	120 000
Kos berubah seunit	40
Harga jualan seunit	64

Berapakah bilangan beg sekolah yang perlu dikeluarkan jika sasaran untungnya ialah RM3 000?

- A 1 922 unit
- B 5 000 unit
- C 5 125 unit
- D 8 000 unit

***KERTAS SOALAN TAMAT***